



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

AMANAH DIJULANG, INTEGRITI Dipegang, KEJUJURAN DISERLAHKAN

Buat julung-julung kalinya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menganjurkan Persidangan Pemerkasaan Integriti bersama Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Ketua Audit Negara (KAN) dan Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed, KPPA.

Persidangan mengangkat tema “Membudaya Integriti, Memperteguh Malaysia MADANI” ini menzahirkan hasrat dan harapan KPPA untuk semua Ketua Setiausaha dan Ketua Jabatan terus berusaha memartabatkan integriti dan akauntabiliti dalam perkhidmatan awam.

“Selaku Pegawai Pengawal di setiap Kementerian dan Jabatan yang diterajui, integriti merupakan perkara yang perlu diberi keutamaan. Kita bertanggungjawab untuk memastikan keseluruhan modal insan yang berada dalam organisasi memahami dan menghayati sifat jujur dan amanah seterusnya menterjemahkan nilai-nilai murni tersebut dalam setiap bentuk tindakan yang dilakukan.

“Amanah dijulang, integriti dipegang, kejujuran diserlahkan. Kita semua tidak akan sama sekali berkompromi dengan isu integriti. Lantas, sebagai pegawai awam yang diberikan tanggungjawab, kita perlu berpegang pada integriti dalam usaha kita bersama-sama pemimpin negara memperkasakan pembangunan ekonomi sebagaimana yang digariskan dalam Kerangka Ekonomi MADANI.

“Hanya dengan iltizam yang kukuh untuk menjauhi rasuah dan salah guna kuasa menerusi integriti, kita dapat melonjakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang bermaruah dan disegani di persada antarabangsa,” ujar KPPA.

Menyentuh mengenai Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), KPPA mengingatkan untuk semua Ketua Setiausaha dan Ketua Jabatan mengambil perhatian serius teguran-teguran LKAN dalam usaha mengurangkan isu-isu ketirisan, pembaziran dan salah guna kuasa. Mereka turut diminta bersiap siaga dengan sebarang teguran yang akan dibentangkan di Parlimen pada bulan hadapan.

Persidangan yang berlangsung pada 27 September 2023 bertempat di Hotel Movenpick dan Pusat Konvensyen KLIA ini telah dihadiri oleh Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan. Persidangan antara lain merupakan platform untuk bertukar-tukar pandangan serta mencari kaedah terbaik bagi meningkatkan aspek tata kelola dalam pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab Kementerian/ Jabatan/ Agensi termasuk isu-isu berhubung dengan dapatan audit serta langkah penambahbaikan.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 30 September 2023

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.2 (52)